# Nasihat PM tak perlu untuk kembalikan rang undang2 – Mahathir

UM 10 JAN 1984

KUALA LUMPUR 9 Jan – Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak perlu mendapat nasihat Perdana Menteri sekiranya Seri Paduka mahu mengembalikan sesuatu rang undang - undang bukan kewangan ke Parlimen untuk pertimbangan semula.

Beliau berkata, pengetahuan am (common sense) memberitahu bahawa sekiranya nasihat Perdana Menteri diminta, Seri Paduka sudah tentu akan dinasihatkan supaya memperkenankan rang undang - undang tersebut.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan demikian semasa menggulung perbahasan rang undang - undang Perlembagaan (pindaan) 1984 di Dewan Rakyat malam ini dengan merujuk kepada peruntukan baru dalam perlembagaan mengenai Yang di-Pertuan Agong dibolehkan mengembalikan rang undang - undang ke Parlimen.

Bagaimanapun soalan telah ditimbulkan dalam Dewan sama ada Seri Paduka perlu bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri seperti yang dikehendaki oleh perkara 40 (1) perlembagaan.

Menurut Perdana Menteri, pindaan baru itu (perkara 66 (4)(B) itu bukanlah perkara ganjil kerana peruntukan seperti itu terdapat dalam perlembagaan India dan Kuwait.

## Rujuk

"Dalam perlembagaan India, misalnya, Presidennya berhak merujuk rang undang-undang ke Parlimen, beliau berbuat demikian dengan nasihat Perdana Menteri atau tidak, tidaklah saya ketahui. Kalau Presiden tidak betsetuju dengan Perdana Menteri sekalipun, Presiden masih boleh merujuk ke Parlimen.

"Di Malaysia, perlembagaan ada menentukan yang di-Pertuan Agong boleh bertindak tanpa mendapat nasihat-nasihat daripada Pertentu Perdana Menteri akan meminta Seri Paduka memperkenankan rang undang-undang berkenaan.

"Kita boleh faham perkara ini jika kita menggunakan pengetahuan am sedikit (common sense) dan bukan common sense anggota - anggota Parlimen DAP," katanya dan disambut dengan tepukan di kalangan penyokong - penyokong kerajaan.

Terdahulu dari itu beliau membidas anggota - anggota DAP kerana tidak faham isu sebenar berhubungan dengan pindaan perlembagaan sehingga mengeluarkan ulasan - ulasan yang mengelirukan.

Katanya, beliau memaafkan anggota - anggota DAP itu kerana mereka masih kepala pusing setelah kalah teruk dalam pilihanraya Negeri Sarawak baru-baru ini.

Menurut beliau, anggota - anggota pembangkang telah menimbulkan soal kerajaan merampas kuasa daripada Yang di-Pertuan Agong.

Jelasnya, "mereka ber-lagi dalam Dewan.

Beralih kepada soal tempoh 30 hari untuk rang undang - undang diperkenankan, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa adanya tempoh itu sekurang kurangnya kerajaan dapat mengetahui apa yang harus dibuat selepas 30 hari itu.

## Perkenan

"Sebelum pindaan (Perkara 66) dibuat, kita tidak tahu bila rang undang - undang akan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Dua negeri telah mengalami pengalaman di mana rang undang - undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri tidak diketahui nasibnya.

"Rang undang - undang itu bukan ditolak Cuma tidak berkata apa-apa. Kerajaan negeri masih berjalan selama setahun dan kita tidak dapat nyatakan sama ada rang undang - undang itu tidak diperkenankan atau tidak mahu diperkenankan.

"Untuk mengelakkan peristiwa seperti itu, oleh itu kita menetapkan tempoh itu ke mahkamah untuk diputuskan dan bukan kepada kerajaan.

Mengenai perisytiharan darurat lagi, beliau berkata negara masih menghadapi ancaman komunis sama ada komunis itu berada dalam hutan atau di luar hutan dan "ada yang bersimpati (dengan komunis)."

"Kita memerlukan darurat untuk menghadapi komunis, tapi dalam darurat ini macam tidak ada darurat juga. Kita ada Parlimen, darurat cuma mahu diadakan supaya kita dapat mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan - kesalahan darurat," jelasnya.

Berhubung dengan darurat di Kelantan dan Sarawak, Perdana Menteri menjelaskan perisytiharan darurat di negeri itu adalah disebabkan keadaan - keadaan tertentu.

"Kalau kerajaan mahu membatalkan undang - undang darurat, ia boleh dibatalkan. Kalau ia didapati perlu, ia kekalkan" katanya lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata bahawa beliau'

Perkara 66(4)(B) menyataklan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan rang undang undang bukan kewangan yang dipersembahkan kepadanya, Seri Paduka boleh mengembalikan kepada Parlimcn untuk pertimbangan semula bcrsama - sama dengan teguran- tegurannya.

dana Menteri, iaitu dalam hal perlantikan Perdana Mentcri. keengganan menyetujui permintaan untuk mcmbubarkan kerajaan dan perlangsungan mesyuarat Majlis Raja - Raja.

"Kalaulah di bawah perkara 66 (4)(B) perlembagaan itu Yang di-Pertuan Agong mahu meminta nasihat Pcrdana Menteri, sudah kata perkenan Yang di-Pectuan Agong itu bukan! hak dan bukan kuasa. Jika tidak hak dan bukan kuasa, maka tidaklah tcpat menubuhkan kerajaan merampas kuasa daripada Seri Paduka."

Pada ketika ini, Ketua Pembangkang Encik Lim Kit Siang (DAP - Kota Melaka) telah bangun untuk menjelaskan bahawa dalam ucapannya di Dewan Rakyat dua tahun lalu pernah menegaskan bahawa' Seri Paduka tidak boleh tidak memperkenankan rang undang - undang dan perkenan itu adalah bahagian yang perlu dalam membuat undang - undang.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab bahawa beliau sedari yang perkenan itu adalah bahagian yang perlu dalam proses membuat undang - undang tetapi jelasnya, tugas itu bukanlah privilij Seri Paduka.

Dengan itu, tambahnya, pindaan mengenai perkenaan Seri Paduka itu tidak perlu dirujukkan kepada majlis raja-raja.

Mengenai kckcliruan anggota - anggota DAP itu, Perdana Menteri mencadangkan supaya satu kursus diadakan untuk membetulkan cara mereka bercakap. Ini disambut dengan tepukan daripada penyokong - penyokong kcraiaan

perkenankan perlu diberikan, selepas tempoh itu, kitai tahu tindakan apa yang harus diambil," jelasnya.

Mengenai perisytiharan darurat yang dibuat sebanyak empat kali di negara ini, Perdana Menteri berkata darurat diisytiharkan kerana sebab-sebab keadaan tertentu.

Katanya; darurat telah diisytiharkan dalam tahun 1948 sebelum merdeka lagi ketika negara ini menghadapi ancaman komunis dan perisytiharan itu berkuatkuasa sehingga sekarang.

"DAP waktu itu tidak berani bersuara seperti sekarang kerana takut masuk dalam (penjara)," kata Perdana Menteri.

Encik Lim Kit Siang bangun pada ketika itu untuk menafikan perkara itu sambil menyatakan bahawa DAP belum wujud lagi pada waktu itu dan partinya bukan takut, tetapi mahu menegakkan pemerintahan menurut undang - undang.

Perdana Menteri segera menegaskan bahawa perisytiharan darurat itu adalah pemerintahan menurut undang - undang iaitu undang - undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Beliau kemudian menafikan tuduhan DAP bahawa 'kcrajaan menyalahgunakan kuasa undang - undang sambil mcminta Encik Lim melemparkan tuduhan seperti yakin rakyat menyokong kerajaan mengekalkan undang - undang darurat itu kerana rakyat lebih selamat.

"Kalau DAP nak batalkan darurat, menanglah pilihanraya dahulu," tambahnya dan disambut dengan tepukan.

Encik Lim bangun lagi untuk menyampuk dan menyatakan bahawa sekiranya kerajaan mahu rakyat selamat, kerajaan boleh mengisytiharkan darurat setiap hari.

Perdana Menteri menjawab bahawa kerajaan akan meminta nasihat apabila ia memerlukan nasihat DAP. Tetapi buat masa ini, jelasnya, kerajaan tahu apa nak buat.

"Bila DAP memerintah nanti, bolehlah DAP mengisytiharkan darurat tiap - tiap hari," katanya berseloroh.